

## KENYATAAN SEBUTHARGA

**SEBUTHARGA** yang terlibat adalah di dalam bidang berikut :

Kod	Skop Kerja
<b>Kepala II (PKK) Kerja-Kerja Bangunan</b>	Kerja-Kerja Renovasi Dalaman bagi Pusat Tuisyen Dinamik Pemikir  Cawangan Felda Gunung Besout 02 35600, Sungkai Perak.

**Kerja-Kerja Renovasi Dalaman Bagi Pusat Tuisyen Dinamik Pemikir, Cawangan Felda Gunung Besout 02, 35600, Sungkai, Perak.**

### 1. PELAWAAN SEBUTHARGA

- 1.1. **Sebutharga adalah dipelawa kepada kontraktor-kontraktor Bumiputera kelas F yang berdaftar dengan Pusat Khidmat Kontraktor (PKK) di bawah Kepala 2 dan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) dalam gred dan kategori berkaitan serta di bawah pecahan kepala yang mana pendaftarannya masih lagi berkuatkuasa; dan**
- 1.2. **Penyebutharga hendaklah mengemukakan Sijil Pendaftaran Asal dan sesalinan sijil atau salinan sijil yang telah disahkan oleh pegawai bertauliah dengan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB), Pusat Khidmat Kontraktor (PKK) serta Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) yang masih berkuatkuasa semasa memohon tawaran.**

### 2. TAKLIMAT DAN LAWATAN TAPAK SEBUTHARGA

Penyebutharga yang berminat **WAJIB** menghadiri taklimat dan lawatan tapak yang akan diadakan pada **11 April 2017 (Selasa)**. Penyebutharga adalah dikehendaki melaporkan diri pada tarikh, masa dan tempat seperti berikut :-

**TARIKH** : **11 April 2017 (Selasa)**  
**MASA** : **10.30 pagi**  
**TEMPAT** : **Kompleks Kraf  
Felda Gunung Besout 02  
35600, Sungkai, Perak**

#### **4. KAEDAH PENGHANTARAN DOKUMEN TAWARAN SEBUTHARGA**

Penyebutharga dikehendaki menghantar dokumen tawaran menggunakan kaedah berikut:

4.1. Dikemukakan "**DENGAN TANGAN**"

Semua dokumen tawaran yang lengkap hendaklah dialamat dan dikemukakan "**DENGAN TANGAN**" kepada:

**Pengerusi**

**Pusat Tuisyen Dinamik Pemikir**

**No. 87B, Jalan Perdana 5**

**Pusat Perniagaan Slim Perdana**

**35800, Slim River, Perak.**

#### **5. PENYERAHAN DOKUMEN TAWARAN SEBUTHARGA**

5.1 Cadangan Penyebutharga yang tidak menghadiri taklimat tidak akan diterima.

5.2 Dokumen tawaran hendaklah dilengkapkan dan dihantar ke alamat di atas dalam **SATU SAMPUL** sahaja dan hendaklah ditulis dengan yang berikut:-

**Pengerusi  
Pusat Tuisyen Dinamik Pemikir  
No. 87B, Jalan Perdana 5  
Pusat Perniagaan Slim Perdana  
35800, Slim River, Perak.**

#### **6. TARIKH DAN MASA TUTUP**

6.1 Tarikh dan masa tutup penghantaran tawaran adalah seperti berikut :

**TARIKH TUTUP : 17 April 2017 (Isnin)**

**MASA : 12.00 tengahari**

6.2 Dokumen Tawaran Sebutharga yang diterima selepas tarikh dan masa yang ditetapkan TIDAK akan dipertimbangkan.

#### **8 SKOP PERKHIDMATAN**

**8.1 Kerja-Kerja Renovasi Dalaman Bagi Pusat Tuisyen Dinamik Pemikir, Cawangan Felda Gunung Besout 02, 35600, Sungkai, Perak.**

**8.2 Definasi kerja**

**8.2.1 Kerja-kerja Renovasi**

Penyebutharga akan Melakukan Kerja-kerja Renovasi Dalaman di Dalam Pusat Tuisyen Dinamik Pemikir, Cawangan Felda Gunung Besout 02, 35600, Sungkai, Perak

**AR**

**ARAHAN KEPADA PENYEBUTHARGA**

**1. HAK PELANGGAN UNTUK MENERIMA/MENOLAK SEBUTHARGA**

Pelanggan adalah tidak terikat untuk menerima sebut harga yang terendah atau mana-mana sebut harga atau memberi apa-apa sebab di atas penolakan sesuatu sebut harga. Keputusan Pusat Tuisyen Dinamik Pemikir (atau dikenali sebagai “pelanggan”) adalah muktamad.

**2. PENJELASAN LANJUT**

Sekiranya terdapat maklumat dalam Dokumen Sebutharga yang tidak jelas atau bercanggah, Kontraktor boleh menghubungi Staf bertugas untuk penjelasan lanjut.

**3. TEMPOH SIAP KERJA**

Kerja ini hendaklah disiapkan dalam tempoh tidak melebihi empat (4) minggu.

**4. BAYARAN DOKUMEN SEBUTHARGA**

Dokumen Sebut Harga ini boleh diperoleh secara percuma dengan hanya memuat turun dari laman sesawang [www.ptslimriver.com/download/](http://www.ptslimriver.com/download/)

**5. PERBELANJAAN PENYEDIAAN SEBUTHARGA**

Semua perbelanjaan penyediaan bagi sebutharga ini ditanggung oleh Penyebutharga sendiri.

## **SYARAT-SYARAT SEBUTHARGA**

### **1. PEMERIKSAAN TAPAK BINA**

Kontraktor disifatkan telah memeriksa dan meneliti tapak bina dan sekitarnya, bentuk dan jenis tapak bina, takat dan jenis kerja, bahan dan barang yang perlu bagi menyiapkan Kerja, cara-cara perhubungan dan laluan masuk ke tapak bina dan hendaklah mendapatkan sendiri segala maklumat yang perlu tentang risiko, luar jangkaan dan sehalu hal-keadaan yang mempengaruhi dan menjejaskan sebut harganya. Sebarang tuntutan yang timbul akibat daripada kegagalan Kontraktor mematuhi kehendak ini tidak dipertimbangkan.

### **2. INSURANS**

Keperluan Insuran dikecualikan bagi projek ini

### **3. PERATURAN PELAKSANA KERJA**

Kerja-kerja yang dilaksanakan hendaklah mematuhi Spesifikasi, pelan-pelan, butir-butir-butir kerja dalam Ringkasan Sebut Harga dan Syarat-syarat yang dinyatakan dalam Dokumen Sebut Harga ini dan arahan Pelanggan atau Wakilnya.

### **4. KEGAGALAN KONTRAKTOR MEMULAKAN KERJA**

Sekiranya Kontraktor gagal dalam memulakan kerja selepas tujuh (7) hari dari tarikh akhir tempoh mula kerja yang dinyatakan dalam Sebutharga, tanpa sebab-sebab yang munasabah, Tawaran akan dibatalkan oleh Pelanggan.

### **5. SUB-SEWA DAN MENYERAHHAK KERJA**

Kontraktor tidak dibenarkan mengsub-sewakan Kerja kepada Kontraktor-kontraktor lain.

## **PENOLAKAN BAHAN, BARANG DAN MUTU HASIL KERJA OLEH PELANGGAN**

6.1 Pelanggan berhak menolak bahan, barang dan mutu hasil kerja dari jenis piawaian yang tidak menepati seperti yang diperihalkan dalam spesifikasi. Kontraktor hendaklah, apabila diminta oleh Pelanggan, memberi kepadanya baucar-baucar dan/atau perakuan ujian pengilang untuk membuktikan bahawa

bahan-bahan dan barang-barang itu mematuhi Spesifikasi. Bahan, barang dan kerja-kerja yang ditolak hendaklah diganti dan sebarang kos tambahan yang terlibat hendaklah ditanggung oleh Kontraktor sendiri.

6.2 Tiada penggantian untuk peralatan, bahan dan cara kerja yang telah ditentukan didalam spesifikasi atau ditawarkan dan telah diterima, dibenarkan kecuali mendapat persetujuan daripada Pelanggan secara bertulis.

## **6. RINGKASAN SEBUTHARGA**

7.1 Ringkasan Sebut Harga hendaklah menjadi sebahagian daripada Borang Sebut Harga dan hendaklah menjadi asas Jumlah Sebut Harga.

7.2 Harga-harga dalam Ringkasan Sebut Harga hendaklah mengambil kira semua kos termasuk kos pengangkutan, cukai, duti, bayaran dan caj-caj lain yang perlu dan berkaitan bagi penyediaan Kerja dengan sempurnanya.

7.3 Tiada sebarang tuntutan akan dilayan bagi pelarasan harga akibat daripada perubahan kos buruh, bahan-bahan dan semua duti dan cukai Kerajaan, sama ada dalam tempoh sah sebut harga atau dalam tempoh Kerja.

7.4 Harga-harga dalam Ringkasan Sebut Harga yang dikemukakan oleh Kontraktor hendaklah tertakluk kepada persetujuan sebelumnya daripada Pelanggan tentang kemunasabahannya. Persetujuan sebelumnya itu dan apa-apa pelarasan kemudiannya kepada harga-harga dalam Ringkasan Sebut Harga hendaklah dibuat sebelum Perjanjian Kerja dikeluarkan.

7.5 Apa-apa pelarasan harga dalam Ringkasan Sebut Harga menurut perenggan 7.4 tersebut di atas dan apa-apa kesilapan hisab dalam Ringkasan Sebut Harga hendaklah dilaras dan diperbetulkan sebelum Perjanjian Kerja dikeluarkan. Jumlah amaun yang dilaraskan hendaklah sama dengan amaun jumlah harga pukal dalam Borang Sebutharga. Amaun jumlah harga pukal dalam Borang Sebutharga hendaklah tetap tidak berubah.

## **8. PERCANGGAHAN DAN KECUKUPAN DOKUMEN SEBUTHARGA**

8.1 Dokumen Sebutharga adalah dikira sebagai saling jelas-menjelas antara satu sama lain. Kontraktor hendaklah mengadakan segala yang perlu untuk melaksanakan kerja dengan sewajarnya sehinggalah siap mengikut tujuan dan maksud sebenar. Dokumen Sebut Harga pada keseluruhannya sama ada atau tidak tujuan maksud itu ada ditunjuk atau diperihalkan secara khusus, dengan syarat bahawa tujuan, maksud itu hendaklah difahamkan dengan munasabahnyanya dari Dokumen Sebut Harga itu.

8.2 Jika Kontraktor mendapati apa-apa percanggahan dalam Dokumen Sebut Harga dia hendaklah merujuk kepada Pelanggan untuk mendapatkan keputusan.

## **9. KEGAGALAN KONTRAKTOR MENYIAPKAN KERJA DAN PENAMATAN PERLANTIKAN KONTRAKTOR**

Pelanggan berhak membatalkan Perjanjian Kerja sekiranya Kontraktor berada dalam keadaan berikut dan setelah menerima surat amaran daripada Pelanggan:

- (a) Sekiranya Kontraktor masih gagal menyiapkan Kerja dalam tempoh masa yang telah ditetapkan;
- (b) Kemajuan Kerja terlalu lembap tanpa apa-apa sebab yang munasabah;
- (c) Penggantungan pelaksanaan seluruh atau sebahagian Kerja, tanpa apa-apa sebab yang munasabah;
- (d) Tidak mematuhi arahan Pelanggan tanpa apa-apa alasan yang munasabah; dan
- (e) Apabila Kontraktor diisytiharkan bankrap oleh pihak yang sah.

## **10. BAYARAN KEMAJUAN**

Pelanggan dibenarkan membuat bayaran apabila kerja-kerja siap dilaksana sepenuhnya. Permohonan Wang Pendahuluan/Deposit tidak dibenarkan.

## **11. KERJA PERUBAHAN**

- 11.1 Pelanggan boleh menurut budi bicaranya mengeluarkan arahan-arahan yang berkehendakkan sesuatu perubahan kerja dengan secara bertulis. Tiada apa-apa perubahan yang dikeluarkan oleh Pelanggan atau yang disahkan kemudian oleh Pelanggan boleh membatalkan sebut harga tersebut.
- 11.2 Semua kerja perubahan dan/atau tambahan yang diluluskan oleh Pelanggan akan diukur atau dinilai dengan menggunakan kadar harga yang ada dalam Senarai Kuantiti/Ringkasan Sebut Harga. Jika tidak terdapat sebarang kadar harga yang bersesuaian, kadar harga yang dipersetujui oleh Pelanggan dan kontraktor hendaklah digunakan.

## **12. TEMPOH TANGGUNGAN KECACATAN (DLP)**

- 12.1 Tempoh Tanggungan Kecacatan bagi sebut harga hendaklah sekurang-kurangnya enam (6) bulan dari tarikh kerja diperakukan siap.
- 12.2 Kontraktor dipertanggungjawabkan untuk membaiki kecacatan, ketidaksempurnaan, kekecutan atau apa-apa jua kerosakan lain yang mungkin kelihatan dan yang disebabkan oleh bahan atau barang atau mutu hasil kerja yang tidak menepati sebut harga ini apabila diarahkan oleh Pegawai Inden dan dalam masa yang berpatutan. Kontraktor hendaklah membaiki kecacatan, ketidaksempurnaan, kekecutan atau apa-apa jua kerosakan lain atas kos Kontraktor sendiri.
- 12.3 Sekiranya Kontraktor gagal membaiki kecacatan, ketidaksempurnaan, kekecutan atau apa-apa jua kerosakan lain seperti yang diarahkan, Pelanggan berhak memotong kos membaiki dari baki wang yang akan dibayar kepada kontraktor atau, jika baki tiada tidak mencukupi, surat pengesyoran dikeluarkan kepada Pusat Khidmat Kontraktor untuk menggantungkan pendaftaran Kontraktor, dan menghantar salinan-salinan surat tersebut kepada Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan.

### **13. PERATURAN MEMBAYAR SELEPAS SIAP**

Bayaran sepenuhnya hanya akan dibayar setelah kontraktor menyiapkan kerja dengan sempurnanya dan Perakuan Siap Kerja dikeluarkan.

### **14. PERAKUAN SIAP KERJA**

Pelanggan hendaklah mengeluarkan Perakuan Siap Kerja sebaik sahaja kerja disiapkan dengan sempurna dan memuaskan. Tarikh siap kerja ini bermulanya Tempoh Tanggungan Kecacatan.

### **15. PERAKUAN SIAP MEMPERBAIKI KECACATAN**

Pelanggan hendaklah mengeluarkan Perakuan Siap Membaiki Kecacatan sebaik sahaja kontraktor telah membaiki kecacatan, ketidaksempurnaan, kekecutan atau apa-apa jua kerosakan lain.

### **16. PEMATUHAN KEPADA UNDANG-UNDANG OLEH KONTRAKTOR**

Kontraktor hendaklah mematuhi segala kehendak Undang-undang Kecil dan Undang-undang Berkanun dalam Malaysia semasa pelaksanaan Kerja. Kontraktor tidak berhak menuntut sebarang kos dan bayaran tambahan kerana pematuhannya dengan syarat-syarat ini.



**BORANG SEBUTHARGA**  
**SEBUTHARGA PTDP 02/2017/BESOUT**

.....  
.....  
.....  
.....

Tuan,

Sebutharga untuk .....

.....  
Di bawah dan tertakluk kepada Arahan Kepada Penyebutharga dan Syarat-syarat Am Sebutharga, Spesifikasi Kerja dan pelan-pelan, saya yang bertandatangan di bawah ini adalah dengan ini menawarkan untuk melaksanakan dan menyiapkan kerja-kerja tersebut bagi jumlah harga pukal sebanyak Ringgit Malaysia: .....  
.....(RM).....)

2. Saya bersetuju menyiapkan kerja-kerja ini dalam masa ..... minggu dari tarikh akhir tempoh mula kerja seperti yang diarahkan oleh Pelanggan.

Bertarikh .....haribulan .....2017.

.....  
Tandatangan Kontraktor

Nama Penuh: .....

No. K/P: .....

Alamat:.....  
.....  
.....  
.....

Atas Sifat:.....

Meterai/

Cop Kontraktor:

.....  
Tandatangan Saksi

Nama Penuh: .....

No. K/P: .....

Alamat: .....

.....  
.....  
.....

## KETERANGAN MENGENAI PENYEBUTHARGA

1. Nama Syarikat :

2. Alamat Syarikat

Alamat Berdaftar	Alamat Surat-menyurat
Poskod :	Poskod :
No Telefon :	No Telefon :
No Fax :	No Fax :
E-Mel :	E-Mel :

3. Pendaftaran Syarikat

3.1. No. Pendaftaran Kementerian Kewangan :

3.2. Tarikh ditubuhkan :

3.3. Tarikh Mula Pendaftaran :

3.4. Tarikh Tamat Pendaftaran :

4. Jenis Syarikat (tandakan kotak yang bersesuaian)

*Private Limited*

*Limited*

*Limited by Shares*

*Limited by guarantee*

5. Taraf Syarikat (tandakan kotak yang bersesuaian)

5.1  Syarikat Tempatan

Bumiputera

Bukan Bumiputera

12. Maklumat Bank

**Nama Bank**

**Alamat Bank**

**No. Akaun Bank**

**SEBUTHARGA KERJA-KERJA RENOVASI DALAMAN BAGI PUSAT TUISYEN  
DINAMIK PEMIKIR, CAWANGAN FELDA GUNUNG BESOUT 02, 35600,  
SUNGKAI, PERAK.**

**RINGKASAN SEBUT HARGA (PUKAL)**

<b>Bil</b>	<b>Huraian Kerja</b>	<b>Jumlah Harga Pukal (RM)</b>
1.	<b>SEBUTHARGA KERJA-KERJA RENOVASI BAHAGIAN DALAM PUSAT TUISYEN DINAMIK PEMIKIR, CAWANGAN FELDA GUNUNG BESOUT 02</b>	
	<b>Jumlah dibawa ke Borang Sebut Harga</b>	

**Catatan:**

Jika ada butiran yang dikehendaki dalam Spesifikasi dan Skop Kerja tidak termasuk di dalam Ringkasan Sebut Harga ini, harga butiran tersebut hendaklah disifatkan telah dimasukkan ke dalam salah satu butiran dalam Ringkasan Sebut Harga.

.....  
Tandatangan Kontraktor

Tarikh:

**SEBUTHARGA KERJA-KERJA RENOVASI DALAMAN BAGI PUSAT TUISYEN  
DINAMIK PEMIKIR, CAWANGAN FELDA GUNUNG BESOUT 02, 35600,  
SUNGKAI, PERAK.**

**RINGKASAN SEBUT HARGA (KUANTITI)**

Bil.	Huraian Kerja	Unit	Kuantiti	Kadar Harga (RM)	Jumlah (RM)
1.	<b><u>Mengecat</u></b>				
	i. Kerja-kerja mengecat keseluruhan dinding bangunan (dalaman sahaja) Warna Cat adalah Light Purple  (Harga yang diberi adalah termasuk kos-kos membersihkan permukaan lama sebelum kerja-kerja mengecat cat baru dijalankan). (Harga cat adalah bagi cat berjenam NIPPON)		PUKAL		
2.	<b><u>Penggantian</u></b>				
	i. Kerja-kerja membuka dan menggantikan tikar di semua permukaan termasuk kerja-kerja memasang tikar baru vinyl .		PUKAL		
	<b><u>Memasang Partition &amp; Pintu</u></b>				
	i. Kerja-kerja memasang Partition kelas jenis gypsum & Memasang pintu kedap api + gril dan pintu half glass pada kelas		PUKAL		
4.	<b><u>Memasang Lampu &amp; Kipas</u></b>				
0			PUKAL		
5.	<b><u>Memasang CCTV</u></b>				
	i. Kerja-kerja memasang CCTV lengkap dengan hardware storan, skrin dan tiga (3) kamera		PUKAL		

**Jumlah dibawa ke Borang Sebut Harga**

**RM** \_\_\_\_\_

Catatan:

Jika ada butiran yang dikehendaki dalam Spesifikasi dan Skop Kerja tidak termasuk di dalam Ringkasan Sebut Harga ini, harga butiran tersebut hendaklah disifatkan telah dimasukkan ke dalam salah satu butiran dalam Ringkasan Sebut Harga.

.....  
**Tandatangan Kontraktor**

Tarikh:

Cop Rasmi Syarikat:

**PUSAT TUISYEN DINAMIK PEMIKIR**  
**BORANG PERJANJIAN KERJA SEBUTHARGA**

A. Kepada Kontraktor: Nama:

Alamat:

Sila laksanakan kerja-kerja di bawah ini: Untuk  
jumlah wang sebanyak Ringgit:

dan sen .....(RM .....) mengikut syarat-syarat  
berikut:

- 1) Kontraktor tidak dibenarkan tanpa kebenaran bertulis daripada Pengerusi Pusat Tuisyen menyerahkan atau menyewakan mana-mana bahagian Kerja.
- 2) Kerja ini hendaklah dimulakan dalam tempoh 2 Hari dari tarikh perjanjian Kerja dan hendaklah disiapkan pada .....
- 3) Dokumen-dokumen berikut hendaklah disifatkan menjadi dan dibaca taksiran sebagai sebahagian daripada Perjanjian Sebut Harga-
  - a) Borang Perjanjian Kerja Sebutharga
  - b) Syarat-syarat Sebut Harga
  - c) Spesifikasi
  - d) Ringkasan Tender/Senarai Kuantiti
  - e) Lukisan

Tandatangan .....

*(Pengerusi, Pusat Tuisyen Dinamik Pemikir)*

Nama:

Tarikh:

- 4) Dengan ini yang bertandatangan di bawah ini bersetuju dengan syarat-syarat di atas

.....

*(Kontraktor)*

Nama:

Atas sifat

Diberikan dengan sempurna untu menandatangani

Untuk dan bagi pihak

Meterai/Cop Kontraktor:

Tarikh:

.....

*(Saksi)*

Nama:

Jawatan:

Alamat:

Tarikh: